

Gagal seludup benih kerang

SH 9/2/2021 M/S 24

42 guni benih kerang cuba diseludup guna trak tunda

Oleh SAIFULLAH AHMAD

SITIAWAN

Jabatan Perikanan Perak dengan bantuan Polis Marin dalam Operasi Inter-Agensia mengagalkan cubaan menyeludup 42 guni benih kerang bernilai RM58,800 menggunakan trak tunda pada Isnin.

Ketua Cawangan Pengurusan Sumber dan Perlindungan Jabatan Perikanan Perak, Salehudin Ismail berkata, operasi itu juga berjaya menahan dua individu masing-masing berusia 22 dan 30 tahun yang merupakan pemandu dan kelendant trak tunda berkenaan.

Menurutnya, nilai rampasan 42 guni kerang tersebut RM58,800 manakala trak tunda pula dianggarkan bernilai RM240,000.

"Ini kes pertama yang kita kesan menggunakan trak



Salehudin (kanan) menunjukkan benih kerang semasa sidang akhbar di Pengkalan Utama Jabatan Perikanan Perak, Sitiawan pada Isnin.

tunda untuk menyeludup benih kerang ini kerana sebelum ini penyeludup menggunakan lori yang diubah suai dan kereta.

"Benih kerang yang diam-bil dari Kebun Kerang Lekir ini dipercayai cuba diseludup ke utara tanah air dan negara jiran menggunakan orang tengah," katanya kepada pem-berita pada sidang akhbar di Pengkalan Utama Jabatan Perikanan Perak, Kampung Acheh di sini pada Isnin.

Beliau menjelaskan benih kerang tersebut diseludup secara transit ke beberapa lokasi sebelum dijual ke Thailand.

Dalam perkembangan sama, Salehudin berkata, operasi itu sebenarnya bermula sejak 6 Februari selama tiga hari membabitkan kawasan Pangkor hingga Kuala Bernam.

Katanya, dalam tempoh itu Jabatan Perikanan berjaya menghasilkan 37 kes dengan 33 kes berkaitan benih kerang manakala baki empat kes membabitkan bubu naga.

Menurutnya, seramai 18 individu berusia di antara 17 hingga 50 tahun ditahan dalam operasi tersebut.

"Antara barang dirampas dan disita termasuklah sampan, bubu naga, kor-

tangan, kor bergalah dan enjin bot.

"Nilai keseluruhan ram-pasan dan barang yang di-sita berjumlah RM657,930," katanya.

Jelasnya, kesemua ditahan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(a) Akta Perikanan 1985, Peraturan 3, Peraturan-Peraturan Perikanan (Pemulihan dan Kultur Kerang) 2002 dan Seksyen 11 (3)(a) Akta Perikanan 1985.

Sehubungan itu katanya, pihaknya akan terus bekerjasama dan menggerakkan Operasi Inter-Agensia dari masa ke masa dalam menguatkuasakan Akta Perikanan 1985.

"Kerjasama ini dapat membantu membanteras ke-giatan ini dalam memastikan sumber marin dipelihara daripada ancaman kepupusan."

"Kita amat memandang serius isu kecurian benih kerang di Perairan Lekor dan mana-mana perairan di Perak. Perairan Lekir diwartakan kepada Jabatan Perikanan Perak untuk tujuan pembangunan kebun kerang," katanya.